

24 MAR 2003

Mahathir-Iraq (PBB)

NEGERA KECIL DAN LEMAH TIDAK LAGI SELAMAT, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran bahawa negara-negara di dunia terutama yang kecil dan lemah tidak lagi selamat kerana Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tidak lagi dapat melindungi mereka daripada keganasan kuasa-kuasa besar.

Menyifatkan serangan Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap Iraq sebagai satu detik hitam dalam sejarah dunia, Perdana Menteri berkata PBB dan undang-undang antarabangsa sudah tidak bermakna lagi.

Ini kerana tindakan unilateral kerajaan Amerika dan sekutunya terhadap Iraq tidak menghiraukan undang-undang antarabangsa, kemanusiaan dan keadilan sesebuah negara yang tidak lagi berkeupayaan untuk mempertahankan diri.

"Kita sudah kembali ke zaman batu yang mana kekuatan menentukan kebenaran. Kita boleh ramal di masa hadapan sempadan negara yang merdeka akan dicabuli dengan sesuka hati oleh kuasa besar," katanya dalam ucapannya semasa membentangkan usul berhubung isu serangan Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap Iraq.

Dr Mahathir, yang sedang bercuti dua bulan dari 6 Mac hingga 4 Mei ini, hari ini menghadiri persidangan Dewan Rakyat bagi membentangkan usul yang mengecam sekeras-kerasnya tindakan ketenteraan unilateral Amerika dan sekutunya terhadap Iraq dan menggesa mereka menamatkan serangan itu dengan serta merta.

Dr Mahathir berkata tidak ada lagi slogan "the rule of law" (kedaulatan undang-undang) yang dicipta oleh kuasa-kuasa besar kerana mereka sendiri telah mencabulinya.

Beliau berkata dakwaan kononnya Iraq berbahaya dan mengancam seluruh dunia dengan senjata pemusnah tidak masuk akal sama sekali dan tidak boleh diterima sebagai alasan untuk melancarkan serangan terhadap negara itu.

Yang lebih menyedihkan ialah tindakan ketenteraan dengan menggunakan senjata paling canggih dan pengeboman secara besar-besaran terhadap Iraq yang telah terlebih dahulu dipaksa memusnahkan senjata pertahanan mereka atas arahan Majlis Keselamatan PBB amatlah tidak adil.

"Rakyat Iraq yang telah menderita selama 12 tahun akibat sekatan dagangan sehingga 1.5 juta orang telah mati kerana kekurangan makanan dan ubat-ubatan, sekarang ini berdepan pula dengan serangan bom dan roket," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat Iraq tidak dapat mempertahankan diri mereka dan peperangan ini akan mengakibatkan banyak di kalangan mereka yang terbunuh dan cedera.

Dr Mahathir berkata Malaysia yang sememangnya bersetuju bahawa senjata pemusnah merupakan ancaman kepada masyarakat antarabangsa dan dunia tidak memerlukannya.

Tetapi, katanya, objektif serangan Amerika dan sekutunya terhadap Iraq kini bukanlah mengesan senjata pemusnah sebaliknya bertukar kepada penyingkiran Kerajaan Iraq dan menjayakan objektif strategik negara kuasa besar itu dan sekutunya.

Bagi menjayakan objektif itu, beliau berkata Iraq bukan sahaja perlu dikalahkan bahkan sejak Perang Teluk pada 1991, tentera Amerika telah ditempatkan di Asia Barat untuk mengawasi dan mengugut kerajaan di rantau itu dan rakyat mereka.

"Ini bermakna demokrasi tidak mungkin wujud dan pemerintahan kuku besi oleh kuasa asing dengan kerajaan-kerajaan boneka mereka akan menjadi sistem

dunia," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan negara-negara Teluk mungkin terpaksa menerima dikuasai oleh kuasa-kuasa besar tetapi besar kemungkinan rakyat mereka tidak akan menerima dan tidak akan berdiam diri.

"Mereka akan bertindak ganas dan terrorism (keganasan) akan berkembang pesat," katanya, sambil mengingatkan kembali bahawa dalam keadaan dunia yang selamat pun tiba-tiba New York dan Washington diserang.

Perdana Menteri berkata serangan keganasan mungkin dilakukan oleh mereka yang geram sepanjang ingatan mereka dan ia mungkin dilakukan pada bila-bila masa.

Serangan 11 Sept sebenarnya telah berjaya daripada yang disangkakan penganas kerana reaksi yang tidak rasional oleh kuasa besar yang tidak langsung menangani punca keganasan sebaliknya menokok tambah dengan tindakan yang tidak waras.

Dr Mahathir berkata Malaysia, yang mengecam keras tindakan Amerika, Britain dan sekutunya menyerang Iraq, berpegang teguh kepada pendirian bahawa peperangan bukanlah caranya untuk menyelesaikan perselisihan dan permusuhan antara negara.

"Perang hanya dibenarkan untuk pertahanan dan keselamatan negara yang diserang. Perang pre-emptive (serangan terlebih awal) tidak boleh dibenarkan sama sekali terutama oleh kuasa besar dan konco-konco mereka terhadap negara lemah.

"Serangan unilateral mestilah terus diharamkan dan dunia patut bertindak terhadap sesiapa pun yang melanggar prinsip dan undang-undang antarabangsa," katanya.

Sambil menyanjungi pendirian Perancis, Rusia, dan China bersama Jerman dan beberapa negara Eropah lain yang menentang tindakan Amerika dan sekutunya, Dr Mahathir melahirkan rasa lega kerana ada juga kuasa besar yang menentang tindakan unilateral itu.

"Kita menyanjung tinggi demonstrasi menentang Amerika Syarikat dan Britain oleh rakyat mereka sendiri dan orang ramai di seluruh dunia," katanya.

Dr Mahathir juga menegaskan bahawa perang Iraq itu bukanlah peperangan orang Eropah atau orang Kristian terhadap negara Islam, sebaliknya ia adalah peperangan kuasa besar Amerika dan Britain terhadap sebuah negara Islam yang lemah, Iraq.

Ia adalah perbuatan imperialis yang masih ingin menguasai dunia, yang berterusan selepas mencuba dengan serangan ekonomi dan menyusulinya dengan serangan ketenteraan.

"Jika negara yang disasar adalah kuat, mereka sudah tentu tidak akan menyerang. Ini adalah sikap pengecut, sikap bully," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia selaku Pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan bakal pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) menggesa negara-negara anggota supaya menghulurkan sokongan dengan menyuarakan tentangan mereka terhadap tindakan ganas Amerika dan Britain.

Beliau berkata jika negara-negara NAM dan OIC tidak merapatkan barisan, mereka akan diancam sepanjang masa dan mungkin dijajah semula.

"Sebagai Pengerusi NAM, saya telah mengutus surat menyatakan pendirian NAM menentang perang terhadap satu daripada anggota NAM, iaitu Iraq. Kita akan gunakan saluran ini untuk mendapat seberapa banyak mungkin negara di dunia mengecam tindakan yang diambil Amerika Syarikat dan sekutunya," kata beliau.

-- BERNAMA  
HS HS PR